



# TEKS

# KHUTBAH

# NEGERI PAHANG

# SEPTEMBER 2025

**JAUHI SIFAT TAMAK****19 SEPTEMBER 2025 BERSAMAAN 26 RABIULAWAL 1447H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،  
فِيمَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah Taala di dunia dan akhirat

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,**

Kehidupan kita sebagai seorang mukmin adalah satu ujian daripada Allah Taala untuk melihat sejauh manakah kita menjalankan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah-Nya di dunia ini. Ujian itu datang dalam pelbagai bentuk sebagaimana firman Allah Taala dalam surah Ali-Imran, ayat 14:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

رُّبِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَيْنَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقْنَطَرَةِ مِنَ الدَّهْبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ  
وَالْأَنْعَامِ وَالْحُرْثِ ۚ ذَلِكَ مَنَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَآبِ

**Yang bermaksud:** “Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik (syurga).”

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Salah satu ujian hidup yang sangat besar impaknya iaitu sifat tamak. Tamak bermaksud keinginan yang melampau terhadap harta, pangkat, kuasa atau hal-hal keduniaan yang tidak berkesudahan, sehingga menyebabkan seseorang tidak pernah merasa cukup dengan apa yang telah Allah Taala kurniakan kepadanya. Sifat ini adalah bertentangan dengan sifat qana’ah iaitu berpuas hati dan reda dengan rezeki yang halal dan mencukupi.

Sifat tamak ini menjadi pencetus kepada pelbagai kerrosakan dalam masyarakat kerana punca utamanya ialah keinginan nafsu yang membuka-buka dipengaruhi oleh bisikan syaitan agar tidak tunduk kepada perintah Allah Taala seperti dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim:

لَوْ كَانَ لِابْنِ آدَمَ وَادِي مِنْ ذَهَبٍ، أَحَبَّ أَنْ يَكُونَ لَهُ وَادِيَانِ، وَلَنْ يَمْلَأَ فَاهُ إِلَّا التُّرَابُ،  
وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَى مَنْ تَابَ

**Yang bermaksud:** “Sekiranya anak Adam mempunyai satu lembah penuh dengan emas, nescaya dia ingin memiliki dua lembah. Dan tidak akan memenuhi mulut (keinginan) anak Adam itu melainkan tanah (iaitu kematian). Dan Allah menerima taubat sesiapa yang bertaubat.”

### Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Taala sekalian,

Sifat tamak adalah satu penyakit hati yang serius dalam Islam. Ia bukan sahaja menyebabkan kerrosakan kepada individu, tetapi turut memberi kesan negatif kepada masyarakat dan nilai-nilai kemanusiaan yang luhur. Dengan sifat ini, seseorang sanggup melakukan penipuan, berdusta, dan mengkhianati amanah semata-mata untuk memperoleh kekayaan, pangkat, atau kuasa yang lebih besar. Sebagai contohnya, peniaga yang tamak

sanggup menipu dalam perniagaannya, pekerja mengkhianati amanah dengan memakan rasuah, malas bekerja, dan majikan yang memeras pekerja dan menzalami mereka. Bahkan kerana tamak ada yang sanggup menjual maruah diri, menjadi scammer, mengedar barang terlarang dan terlibat dalam riba, judi, skim cepat kaya, atau pelaburan haram.

Sifat tamak bukan sahaja menjadikan seseorang itu terlalu menginginkan kekayaan dan kesenangan dunia, bahkan ia tidak lagi mempedulikan halal dan haram, sehingga keberkatan rezeki lenyap daripada kehidupannya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan kita tentang hal ini di dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud: “*Akan datang kepada manusia suatu zaman, mereka tidak lagi peduli daripada mana harta itu diperoleh, sama ada halal atau haram.*”

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Orang tamak juga dilaknat Allah Taala dan dijauhkan daripada rahmat-Nya. Di akhirat mereka akan diseksa kerana sikap kedekut mereka terhadap harta mereka yang menimbun di samping enggan menunaikan zakat dan berinfaq sebagaimana firman Allah Taala dalam surah al-Taubah ayat 34 yang bermaksud: “*Dan (demikian juga) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahulah mereka dengan (balasan) azab yang pedih.*”

Selain itu, sifat tamak turut mengakibatkan hidup yang tidak tenang, hati sentiasa gelisah dan jiwa terasa sempit kerana tidak pernah merasa cukup, sedangkan kekayaan sebenar adalah kekayaan jiwa, bukannya harta benda yang melimpah.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,**

Sifat tamak pada asasnya adalah tercela, namun Islam mengiktiraf adanya bentuk tamak yang terpuji, iaitu kesungguhan dan keghairahan dalam mengejar kebaikan seperti ilmu, amal soleh, sedekah, membaca al-Quran, berbakti kepada ibu-bapa dan memohon keampunan sebagaimana firman Allah Taala dalam surah al-Shu'ara ayat 82 yang bermaksud: “*Dan (Dia lah) yang aku tamak (sangat mengharapkan) supaya Tuhanku mengampunkan dosaku pada hari kiamat*”

Ini termasuk juga keinginan yang tinggi untuk mendapatkan syurga dan reda Allah Taala yang mendorong kepada amal soleh dan mendekatkan diri kepada-Nya.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi,**

Pengajaran daripada khutbah ini dapatlah disimpulkan bahawa sifat tamak boleh merosakkan akhlak, menggugat ketenteraman jiwa, dan memusnahkan hubungan kemasyarakatan kerana sifat ini merujuk kepada keinginan yang melampau terhadap harta, pangkat, kuasa atau hal-hal keduniaan yang tidak berkesudahan. Ia membawa kepada pelbagai kezaliman dan penindasan apabila manusia terlalu mengejar harta, pangkat dan kesenangan dunia tanpa mempedulikan halal dan haram. Tamak juga menyebabkan seseorang enggan menunaikan kewajipan agama seperti berzakat dan ia juga menjadi punca kepada perpecahan, permusuhan, serta hilangnya keberkatan dalam kehidupan. Justeru, umat Islam hendaklah berwaspada dan menjauhi sifat ini agar tidak kerugian di dunia dan akhirat.

Namun begitu, umat Islam digalakkan berlumba-lumba dalam kebaikan untuk mendalami ilmu, beramal soleh, berbakti kepada orang tua, mencari keredaan dan keampunan Allah Taala dan seumpamanya.

**أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ**

وَكُلٌّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوْلَيْهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَئِنَّ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا

إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.